



JABATAN MUFTI  
NEGERI PERAK

# GARIS PANDUAN TATACARA PENGGUNAAN WANG KUTIPAN MASJID

WANG SIMPANAN / KUTIPAN DALAM AKAUN MASJID, SURAU DIRI JUMAAT ATAU SURAU DALAM NEGERI PERAK

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak setelah meneliti dan memperhalusi sumber kewangan / pendapatan / tabungan masjid, surau diri Jumaat (SDJ) dan surau, maka, memperaku bahawa kaedah pengagihan boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori berdasarkan perolehan sumber tersebut.

## 1 SUMBER BERBENTUK KHAS

**Derma Awam** merujuk kepada secekah atau pemberian ikhlas yang diberikan oleh orang ramai berdasarkan tujuan tertentu seperti Tabung Rohingya.

Dibelanja dan digunakan mengikut tujuan asal yang khusus

**Derma Wakaf** seperti anak yatim atau hasil sewaan lot kedai untuk saaran masjid atau surau.

Dibelanja dan digunakan mengikut tujuan asal kutipan itu dibuat, diperolehi dan diniatkan oleh penyumbang

**Hasil Jualan Harta Waqaf Yang Tidak Digunakan Lagi** dan tidak ada masjid atau surau lain yang mahu menggunakannya.

Wang perolehan itu hendaklah dimasukkan semula ke dalam akaun masjid untuk tujuan pembangunan atau wakaf kekal

**Dana Wakaf Yang Tidak Dikhususkan Kepada Tujuan Tertentu** seperti tabungan yang dilabel secara umum.

Dibelanja dan digunakan untuk sebarang manfaat bersifat kekal seperti membeli peralatan perabot untuk kegunaan masjid dan membaik pulih lantai

**Hadiah** ialah pemberian untuk memuliakan seseorang atau sekumpulan orang dan biasanya ia ada hubung kait dengan sesuatu perkara.

Disampaikan kepada penerima dengan syarat terhindar daripada sebarang kepentingan / fitnah

**Dana Khas Utiliti** bayaran pukat bil elektrik dan bil air

Dibelanja dan digunakan mengikut tujuan asal yang khusus

**Dana Kebajikan** seperti bantuan bencana dan kebakaran

Dibelanja dan digunakan berdasarkan tujuan asal kutipan

**Dana Khas Kebajikan** seperti bayaran kuliah bulanan para pengajar

Dibelanja dan digunakan berdasarkan tujuan asal kutipan

Melalui Peraturan 31, Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Kariah Negeri Perak 2015 telah memperuntukkan bahawa tiap-tiap masjid hendaklah membuka **2** akaun masjid berasingan

**Akaun Am** yang mengandungi hasil masjid, derma sesiapa bagi tujuan kepentingan masjid dan diuruskan oleh Jawatankuasa Kariah.

**Akaun Khas** di bawah Baitulmal yang mengandungi wang amanah bagi tujuan pembangunan masjid.



## 2 SUMBER BERBENTUK UMUM

**Derma Awam / Tabungan Umum Tanpa Dikhususkan Untuk Sesuatu Perkara** merujuk kepada sesuatu pemberian ikhlas berbentuk sedekah (Tabarru') yang diberikan oleh orang ramai seperti kutipan Jumaat, kutipan Hari Raya atau tabung umum yang disediakan di Masjid

dibelanja dan digunakan mengikut keutamaan fungsi dan peranan masjid

Ahli Jawatankuasa kariah bebas untuk membelanjakannya kepada perkara-perkara yang berfaedah tetapi hendaklah **dipastikan segala keperluan dan masalah utama telah pun dipenuhi**. Jika masih terdapat lebih daripada keperluan tersebut maka, bolehlah diperluaskan kepada perkara-perkara lain seperti bantuan kebajikan kepada ahli kariah yang memerlukan.

Sumber kewangan masjid, surau diri Jumaat (SDJ) dan surau adalah amanah yang perlu dibelanjakan sewajarnya berdasarkan niat mereka yang mewakaf atau mendermakannya. Semoga Syariat dan Syiar Islam terpelihara.



Dibagikan oleh

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

